

﴿ KHUTBAH 10 ﴾

PERANAN PEMERINTAH DALAM INSTITUSI ZAKAT

Dr. Asmady Bin Idris

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ وَلَا عُدْوَانَ إِلَّا عَلَى الظَّالِمِينَ،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ شَهَادَةً تُنْجِي قَائِلَهَا مِنْ
عَذَابِ النَّارِ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اَللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ.

Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah.....

Terlebih dahulu khatib ingin berwasiat kepada diri sendiri dan para jemaah sekalian agar sentiasa meningkatkan ketaqwaan kepada Allah dengan beramal soleh dan mengerjakan segala perintah-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya agar kita mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Allah s.w.t berfirman:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ ؕ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman bertakwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takwa dan janganlah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan beragama Islam.”

(QS Ali-Imran [3] : 102)

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Sekalian,

Mimbar hari ini akan membicarakan tajuk **“PERANAN PEMERINTAH DALAM INTITUSI ZAKAT”**.

Dalam menguruskan pungutan zakat terhadap golongan wajib berzakat (muzakki) dan harta yang wajib diberikan zakat, maka pemerintah ataupun kerajaan akan melantik beberapa orang petugas zakat ataupun amil bagi mengutip dan seterusnya mengagihkan dana zakat tersebut kepada golongan asnaf yang berhak (mustahik). Dalil yang menyebut tentang perlunya pelantikan amil ini adalah seperti yang disebutkan oleh Allah s.w.t di dalam al-Quran:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمَلِينَ عَلَيْهَا وَالْمَوْلَاةِ قُلُوبِهِمْ

وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ ۗ فَرِيضَةً مِّنَ

اللَّهِ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦﴾

Maksudnya:

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang mualaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

(QS al-Taubah [9] : 60)

Dalam ayat yang lain, Allah s.w.t berfirman:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ

سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

Maksudnya :

“Ambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui”.

(QS al-Taubah [9] : 103)

Berlandaskan kepada kedua-dua ayat al-Quran di atas, khususnya istilah “amil-amil atau pengurus-pengurus zakat” dan ayat perintah “Ambillah zakat...” secara jelas menyatakan bahawa perlunya melantik beberapa amil untuk mengurus, memungut dan mengagih-agihkan zakat kepada para asnaf.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Sekalian.....

Sesungguhnya setiap perkara yang difardhukan oleh Allah s.w.t kepada setiap hamba-Nya sudah semestinya penuh dengan hikmah dan falsafah yang perlu disyukuri dan ditaati. Ini termasuklah juga dengan falsafah pungutan dan agihan zakat kepada setiap individu Islam yang telah menepati syarat untuk melaksanakan zakat dan kepada golongan asnaf yang telah dipilih oleh Allah s.w.t untuk menerima zakat.

Dalam konteks pengurusan zakat, sewajarnya diberikan sepenuh kuasa memungut dan mengagihkan zakat kepada pihak pemerintah yang telah memberikan tanggungjawab kepadabadan-badan mengurus zakat ataupun amil bagi mengendalikan urusan zakat.

Bagi membincangkan perkara ini, khatib ingin mengutarakan pandangan dan fatwa Sheikh Dr. Yusof al-Qardhawi perihal falsafah pungutan dan agihan zakat oleh pihak pemerintah atau institusi pengurusan zakat yang telah ditubuhkan.

Beliau menegaskan bahawa, urusan zakat bukanlah suatu tuntutan fardhu yang bersifat peribadi semata-mata tetapi ia merupakan tugas yang berkait-rapat dengan sistem pemerintahan ataupun pentadbiran sesebuah negara. Pelantikan sekumpulan amil yang bertugas atau lebih tepatnya penubuhan Badan Mengurus Zakat adalah untuk memenuhi keperluan dan kepentingan umat Islam secara keseluruhannya.

Kaum Muslimin Yang Sama-Sama Berbahagia.....

Antara keperluan dan kepentingan tersebut termasuklah:

Pertama : Golongan fakir yang berhak menerima zakat akan berasa lebih selesa dan terpelihara air muka mereka dari berasa malu untuk meminta dan menerima bantuan zakat dari pihak pemerintah daripada mendapatkan simpati secara terus dari mana-mana pihak atau individu tertentu.

Kedua : Kaedah agihan zakat institusi yang ditubuhkan oleh pemerintah adalah lebih bersifat menyeluruh dan samarata dari segi pembahagian zakat yang diterima oleh para asnaf. Seseorang individu yang kaya mungkin tidak mampu secara persendirian untuk mengenalpasti dan mengagihkan dana zakat dengan nilai yang sama kepada golongan penerima zakat.

Ketiga : Sesungguhnya harta zakat yang diberikan secara persendirian dan tidak melalui badan yang ditubuhkan oleh pemerintah hanya akan terarah kepada beberapa golongan tertentu sahaja seperti individu fakir, miskin ataupun *ibnu sabil*. Sebaliknya, falsafah pungutan dan agihan zakat akan lebih bersifat menyeluruh jika dilaksanakan oleh institusi pungutan zakat sesebuah negara dengan menyasarkan kepada semua asnaf yang memerlukan bersesuaian dengan kemaslahatan umat Islam secara kolektif.

Keempat : Sesungguhnya Islam adalah suatu agama yang tidak dapat dipisahkan dari sistem pemerintahan yang syumul. Islam bertentangan dengan ideologi sekularisme yang memisahkan agama dari institusi pemerintahan sesebuah negara. Dengan demikian, untuk mengukuhkan lagi sistem pemerintahan-pentadbiran Islam, institusi zakat adalah merupakan aset terpenting bagi memenuhi keperluan negara khususnya yang berkaitan dengan aset kewangan dan harta sesebuah negara. Dana zakat yang diperoleh akan dijana dan digunakan sebaiknya untuk melaksanakan keperluan dan kepentingan umat Islam secara adil dan saksama.

Kelima : Zaman Rasulullah s.a.w dan para sahabat khususnya era Khulafa al-Rasyidin adalah merupakan contoh terbaik bagaimana urusan zakat dikendalikan oleh pihak pemerintah. Saidina Abu Bakar r.a. telah memerangi golongan yang ingkar mengeluarkan zakat selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. Selain daripada itu, sekumpulan amil atau petugas-petugas zakat telah dilantik bagi mengendalikan urusan pemungutan dan pengagihan zakat kepada para asnaf. Nama-nama seperti Mu'az bin Jabal, Ibnu Lutbiah, Ibnu Sa'di, Abu Mas'ud, Abu Jahm bin Huzaifah, Qais bin Sa'ad, Wahid bin Uqbah dan lain-lain lagi adalah

merupakan petugas-petugas zakat yang dilantik semasa era Nabi Muhammad s.a.w.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Sekalian,

Bersama-samalah kita semua umat Islam menyemarakkan lagi pertumbuhan institusi zakat di Malaysia. Kaedah dan mekanisme pemungutan dan pengagihan zakat melalui badan-badan mengurus zakat yang diwujudkan dapat memudahkan umat Islam untuk melaksanakan ibadat zakat, tanpa kerjasama yang padu dari kalangan umat Islam bagi memenuhi tuntutan berzakat, ekonomi komuniti Islam dan negara tidak mungkin dapat dipertingkatkan.

Bagi badan-badan mengurus zakat pula, maklumat dan informasi terkini perihal pungutan dan agihan zakat perlulah sentiasa dikongsi bersama dengan umat Islam demi mengelakkan sebarang salah faham dan kekeliruan atau mendapat maklumat yang tidak tepat. Gunakanlah sebaik mungkin saluran dan jaringan komunikasi digital seperti media sosial untuk memberikan penerangan lebih mudah dan praktikal kepada setiap umat Islam yang sudah sampai kewajipan mereka membayar zakat. Dalam ertikata yang lain, interaksi dan komunikasi antara badan-badan ini dengan masyarakat Islam mestilah dipereratkan dari semasa ke semasa.

Firman Allah s.w.t di dalam al-Quran:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ
الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (al-Quran) dan (Sunnah) Rasul-Nya, jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.”

(QS al-Nisa (4):59)

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.